

**DRAFT TEKS UCAPAN  
YB DATO' SERI KONG CHO HAR  
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**MAJLIS PERASMIAN STESEN SUNGAI GADUT  
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**24 MEI 2011**

**YAB DATO' SERI UTAMA HAJI MOHAMAD BIN HAJI HASAN  
MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**HIS EXCELLENCY MR VIJAY K. GHOKALE  
DUTA BESAR INDIA KE MALAYSIA**

**YB DATO' SRI IRSENIOR MOHD ZIN BIN MOHAMED  
PENGERUSI KTM BERHAD**

**YANG DIHORMATI DATO' OSMAN BIN HAJI SALLEH  
KETUA POLIS NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

**Y.BHG. DATO' HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI ABDUL LATIF  
YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEREMBAN MERANGKAP YANG DIPERTUA MAJLIS  
PERBANDARAN NILAI**

**DR AMINUDDIN ADNAN  
PRESIDEN KTM BERHAD**

**KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN DAN PIHAK BERKUASA DARI NEGERI SEMBILAN DARUL  
KHUSUS**

**WAKIL-WAKIL MEDIA**

**WARGA KERJA KTM BERHAD**

**WARGA KERJA KLIA CONSULT**

**WARGA KERJA INDIAN RAILWAY CONSURTUM**

**SETERUSNYA HADIRIN YANG DIHORMATI**

**SELAMAT PAGI, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM SATU MALAYSIA.**

**TERLEBIH DAHULU SAYA MENGAMBIL KESEMPATAN INI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH  
KEPADA KTM BERHAD DI ATAS KESUDIAN MENJEMPUT SAYA UNTUK HADIR PADA MAJLIS  
YANG DIADAKAN HARI INI.**

PERINGKAT KEMAJUAN PERKHIDMATAN KTM KOMUTER BERMULA PADA 14 OGOS 1995 APABILA PERKHIDMATAN KOMERSIAL MULA BEROPERASI ANTARA RAWANG KE KUALA LUMPUR MANAKALA PADA 18 DISEMBER 1995, PERKHIDMATAN ANTARA SENTUL KE PELABUHAN KLANG DAN RAWANG KE SEREMBAN MULA BEROPERASI SEPENUHNYA. TIDAK TERHENTI SETAKAT ITU, KTM KOMUTER SETERUSNYA MELANJUTKAN PERKHIDMATAN IAITU DARI RAWANG KE RASA PADA 21 APRIL 2007. PADA 5 JANUARI 2008, PERKHIDMTAN DILANJUTKAN KE KUALA KUBU BHARU. DALAM MEMENUHI KEHENDAK PENGGUNA YANG SEMAKIN TINGGI, PERKHIDMATAN DARI RASA SETERUSNYA DILANJUTKAN HINGGA KE TANJUNG MALIM, PERAK PADA 1 JUN 2009.

BERTINDAK ATAS KEPERLUAN DAN POTENSI YANG TINGGI DALAM ASPEK PERLANCONGAN TERUTAMA PADA MUSIM PERAYAAN BAGI PENGANUT AGAMA HINDU, KTM KOMUTER TELAH MENAPAK KE HADAPAN APABILA BERTINDAK MEMBUKA EMPAT LAGI STESEN IAITU BATU KENTONMENT, KAMPUNG BATU, TAMAN WAHYU DAN BATU CAVES BAGI MEWUJUDKAN PERKHIDMATAN KE LALUAN SENTUL KE BATU CAVES PADA 29 JULAI 2010.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

PADA HARI INI, KITA MENJADI SAKSI KEPADA SETAPAK LAGI LANGKAH KEMAJUAN PERKHIDMATAN KTM KOMUTER APABILA LALUAN PERKHIDMATAN ANTARA SEREMBAN KE SUNGAI GADUT DI BUKA UNTUK OPERASI. SECARA AMNYA, PERKHIDMATAN DI LALUAN INI TELAH BERMULA SEJAK 14 MEI 2011. SEBAGAI LANGKAH MEMPROMOSIKAN PENGGUNAAN PENGANGKUTAN AWAM DAN LEBIH KHUSUSNYA KEPADA PENGGUNAAN KTM KOMUTER, PERJALANAN PERCUMA TANPA HAD TELAH DITAWARKAN KEPADA PARA PENGGUNA SELAMA TUJUH HARI BERMULA 14 MEI 2011 UNTUK PERKHIDMATAN ANTARA SEREMBAN KE SUNGAI GADUT DAN SEBALIKNYA.

PERKHIDMATAN DI ATAS LALUAN REL SEJAUH SEMBILAN KILOMETER INI ADALAH SEBAHAGIAN DARI KESELURUHAN PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK SEREMBAN KE GEMAS SEJAUH 98 KILOMETER. DENGAN ADANYA PERKHIDMATAN TERBAHARU INI IANYA MENJADIKAN KESELURUHAN STESEN OPERASI UNTUK KTM KOMUTER DI NEGERI SEMBILAN BERJUMLAH TUJUH STESEN KESEMUANYA SETELAH DITAMBAH DUA STESEN BAHARU IAITU SENAWANG DAN SUNGAI GADUT.

STESEN SUNGAI GADUT MERUPAKAN ANTARA STESEN YANG MEMPUNYAI KELENGKAPAN PENUH IAITU PARKIR, ESKELATOR, KAFETERIA, SURAU, JEJANTAS TERMASUK PERHENTIAN BAS DAN TEKSI. BAGI MEMANTAU KESELAMATAN PENGGUNA, CCTV TURUT DITEMPATKAN DI STESEN INI. KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DINYATAKAN DI ATAS TURUT MENGAMBIL KIRA KEPERLUAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SEBAGAIMANA KTM BERHAD INGIN MENJADI SEBUAH ORGANISASI YANG MESRA SEJAGAT.

APA YANG LEBIH UNIK BERKENAAN STESEN SUNGAI GADUT INI ADALAH IANYA MERUPAKAN *ELEVATED STATION* IAITU STESEN YANG BERADA PADA ARAS YANG LEBIH TINGGI DARI BIASA DAN IANYA SEMEMANGNYA LEBIH SELAMAT DARI SEBARANG INSIDEN TERUTAMA BANJIR.

DENGAN ADANYA PERKHIDMATAN DI LALUAN BAHARU INI, KTM KOMUTER OPTIMIS BAHAWA SEJUMLAH 800 PENGGUNA AKAN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN INI SETIAP HARI DAN DIJANGKA MENINGKAT KEPADA 2000 PENGGUNA SEHARI SECARA BERPERINGKAT.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN SEMEMANGNYA MEMBERI PENEKANAN TERHADAP PEMBANGUNAN KUALITI PERKHIDMATAN AWAM DAN KEPENTINGAN ELEMEN INI MENJADIKAN IA SEBAGAI SALAH SATU DARI DARI CABANG NKRA YANG DITEKANKAN KERAJAAN. SEBAGAI ENTITI YANG PENTING DI DALAM INDUSTRI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN REL, KTM BERHAD BAKAL MENERIMA 38 SET KOMUTER BAHARU DAN PENGHANTARAN PERTAMA SET-SET INI BAKAL DITERIMA PADA OGOS 2011. SET-SET BAHARU INI AKAN DITERIMA SECARA BERPERINGKAT DAN KESEMUA JUMLAH TERSEBUT AKAN DITERIMA MENJELANG SUKU PERTAMA 2012. SET-SET YANG DIPEROLEHI TERSEBUT PERLU KEPADA UJIAN DAN PENTAULIAHAN DAN BAKAL BERADA UNTUK OPERASI BERMULA SUKU KEDUA 2012. DENGAN BERTAMBAHNYA JUMLAH TREN KOMUTER BEROPERASI KELAK, SAYA YAKIN BAHAWA KTM BERHAD AKAN DAPAT MENCAPAI SASARAN IAITU MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN SETIAP 7.5 MINIT PADA WAKTU PUNCAK BERBANDING 30 MINIT KINI. DENGAN JADUAL KETIBAAN YANG LEBIH PANTAS, SAYA YAKIN KTM KOMUTER AKAN MEMBAWA LEBIH DARI 95,000 PENGGUNA PADA WAKTU PUNCAK BERBANDING ANGGARAN 33,000 PENGGUNA KINI.

HADIRIN YANG DIHORMATI,

SAYA YAKIN ANDA TERUTAMA WARGA NEGERI SEMBILAN YANG MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM SEBAGAI MOD PENGANGKUTAN HARIAN BERASA LEGA DAN GEMBIRA DENGAN WUJUDNYA PERKHIDMATAN SEREMBAN KE SUNGAI GADUT INI. WARGA SUNGAI GADUT, SENAWANG DAN KEJIRANANNYA KINI BOLEH KE KUALA LUMPUR DAN KE TANJUNG MALIM, PERAK DENGAN LEBIH MUDAH DENGAN ADANYA KTM KOMUTER.

BEGITUPUN, SAYA MEMOHON PERTIMBANGAN DAN KERJASAMA ANDA SEMUA PARA PENGGUNA DAN MEREKA YANG TINGGAL BERHAMPIRAN KAWASAN OPERASI TREN AGAR MENITIK BERATKAN ASPEK KESELAMATAN. JANGAN MENCEROBOH DAN MELINTAS KAWASAN LANDASAN, JANGAN LAKUKAN VANDALISME TERHADAP HARTA BENDA AWAM TERMASUK TREN DAN STESEN DAN KEPADA IBU-BAPA, SILA PERHATIKAN PERGERAKAN ANAK-ANAK ANDA AGAR TIDAK BERMAIN BERHAMPIRAN LANDASAN. MALANG TIDAK BERBAU.

BERDASARKAN MAKLUM BALAS POSITIF YANG DIMAKLUMKAN KEPADA SAYA, PENGGUNA DI KAWASAN SEREMBAN KE SUNGAI GADUT DILIHAT BEGITU RESPONSIF TERHADAP PERKHIDMATAN INI. SAYA MELIHAT PERKARA INI SEBAGAI SESUATU YANG MEMBERANGSANGAKAN DAN BERDASARKAN PERSETUJUAN KEMENTERIAN DENGAN KTM BERHAD, SAYA DENGAN INI MENGUMUMKAN BAHAWA PROMOSI PERJALANAN PERCUMA ANTARA SEREMBAN KE SUNGAI GADUT DAN SEBALIKNYA AKAN DILANJUTKAN SEHINGGA 31 MEI 2011.

SERENTAK DENGAN INI, SAYA JUGA MERASMIKAN PEMBUKAAN STESEN SUNGAI GADUT, NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS.

TERIMA KASIH.

